

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27 April 2017**

**SOALAN**

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan kes keganasan rumah tangga yang telah dilaporkan dari tahun 2014 hingga 2017 (setakat 31 Mac 2017) mengikut pecahan tahun, jantina dan bangsa. Adakah Kementerian bercadang untuk memperketatkan lagi Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 untuk membendung kejadian sedemikian.

## **JAWAPAN**

Rumah sepatutnya menjadi syurga kepada semua individu yang bergelar insan. Dalam kesibukan harian sama ada bekerja atau bersekolah, kita pulang ke rumah untuk mendapatkan makanan, menyalin pakaian dan paling penting kasih sayang. Ia sepatutnya menjadi tempat terakhir yang akan membawa ancaman kepada individu. Namun hakikatnya, keganasan rumah tangga berlaku di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan meningkat dari 4,807 kes pada tahun 2014 kepada 5,014 kes pada tahun 2015 dan 5,796 kes pada tahun 2016. Pada tahun ini sahaja sehingga Februari 2017, PDRM telah menerima laporan sebanyak 905 kes keganasan rumah tangga menjadikan jumlah kes yang dilaporkan dari tahun 2014 hingga Februari 2017 adalah sebanyak 16,522 kes. Statistik PDRM menunjukkan bahawa 74% mangsa kes keganasan rumah tangga adalah perempuan berbanding lelaki iaitu sebanyak 26%. Antara 3 bangsa utama di Malaysia, India mencatatkan peratusan jumlah kes tertinggi berbanding populasi (1,992,000 orang) iaitu sebanyak 0.058% diikuti dengan bangsa Melayu berbanding populasi (19,483,600 orang) 0.018% dan bangsa Cina berbanding populasi (6,648,000 orang) sebanyak 0.007%. Tuan Yang Dipertua, Melihat kepada peningkatan kes keganasan rumah tangga pada masa kini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah membuat bacaan pertama Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 di Dewan Rakyat pada 3 April 2017. Cadangan pindaan kepada Akta tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa yang juga melibatkan aspek pemulihan institusi kekeluargaan. Bagi melindungi dan membendung keganasan ini dari berlaku, lima (5) perkara utama yang diberikan perhatian dalam cadangan pindaan Akta ini adalah seperti berikut:

(i) Memperluaskan tafsiran Keganasan Rumah Tangga dengan membolehkan mangsa mendapatkan perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO) apabila : a. pelaku menggelapkan harta mangsa sehingga mangsa mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan; b. pelaku mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa itu takut akan keselamatan dirinya/keselamatan hartanya/keselamatan pihak ketiga/mengalami kesedihan; dan c. pelaku berhubung dengan mangsa, atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa, dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara, elektronik atau sebaliknya.

(ii) Perintah Perlindungan Kecemasan (Emergency Protection Order) iaitu perintah perlindungan sementara (ex-part) yang boleh diperoleh dengan segera daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberikuasa sekiranya mangsa dalam keadaan ketakutan dicederakan secara fizikal atau mangsa dicederakan secara fizikal. Pelanggaran perintah ini akan menyebabkan pelaku boleh dihukum denda RM4,000, penjara 1 tahun atau kedua-duanya. Manakala, pelanggaran perintah ini buat kali kedua akan dikenakan denda RM5,000, penjara sekurang-kurangnya 72 jam hingga 2 tahun atau kedua-duanya.

(iii) Pemberian hak penghunian eksklusif kediaman bersama kepada mangsa bagi memberi perlindungan terhadap keselamatan diri mangsa semasa dalam perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO);

(iv) memperkenalkan Program Pemulihan di bawah kelolaan KPWKM yang bertujuan untuk memberi kesedaran dan pendidikan seperti kekeluargaan, pengurusan kewangan dan pengurusan emosi kepada pelaku dan mangsa dalam tempoh perintah perlindungan bagi menangani punca permasalahan keganasan rumah tangga; dan

(v) Penambahbaikan perintah IPO dan PO dalam aspek pemakluman status kepada mangsa bertujuan untuk menjamin prosedur kerja yang lebih telus dan cekap disamping memberi perlindungan yang lebih baik kepada mangsa sama ada di bawah IPO atau PO.

Tuan Yang Dipertua, Adalah menjadi harapan Kementerian dengan adanya cadangan pindaan terhadap Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 ini, kes keganasan rumah tangga yang berlaku dapat dibendung dan dikawal. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan cara berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi, emosi dan mental, sama ada kepada suami, isteri, anak-anak ataupun ahli keluarga yang lain. Kementerian juga percaya bahawa usaha untuk membanteras kes keganasan rumah tangga memerlukan kerjasama bersepakur daripada semua pihak iaitu agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat.



